
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 2005/2006

November 2005

RPK 532 – Perancangan Pembangunan

Masa: 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **TIGA** muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **EMPAT** soalan sahaja.

1. (a) Apakah **Enam (6)** faktor yang perlu diamalkan oleh seorang Pengurus Projek supaya pelaksanaan projek yang berkesan boleh diperolehi. Apakah kelebihan yang terdapat pada seorang Pengurus Projek yang berlatar belakangkan bidang Perancangan Bandar.
- (10 markah)
- (b) Berikan komponen-komponen yang perlu dimasukkan di dalam penyediaan Kajian Kedayahidupan. Dalam Kajian Kedayahidupan Projek, kadar pulangan 30% dianggap sesuai dan munasabah sebagai satu pelaburan pembangunan projek hartanah. Bincangkan kenyataan tersebut.
- (15 markah)
2. (a) Penyediaan Pelan-Pelan Teknikal Pembangunan akan melalui pelbagai proses bermula dari peringkat pengesanan tanah sehingga kepada pelan dikemukakan kepada Pihak Berkuasa Tempatan. Senaraikan pelan-pelan berkenaan, urutan persediaan, dan siapa yang terlibat dalam proses penyediaan tersebut?
- (10 markah)
- (b) Koordinasi Pelan dilakukan oleh Pengurus Projek sebelum pembinaan dimulakan. Mengapa ia perlu?
- (10 markah)
- (c) Berikan Urutan Pelaksanaan sebuah Projek Pembangunan bermula dari peringkat awal sehingga projek berkenaan disalurkan kepada pengguna.
- (5 markah)
3. Pengawasan, Penyeliaan, Pemantauan dan Penilaian merupakan komponen penting dalam pembangunan projek khususnya di peringkat pembinaan. Komponen-komponen tersebut mempunyai kaitan dan saling bergantung. Bincangkan secara khusus dari aspek keperluan, kaedah serta tanggungjawab Pengurus Projek dalam proses berkenaan.
- (25 markah)